Cukai pada kadar 20% (2006 : 20%) ke atas RM500,000 (2005:RM500,000) yang pertama bagi pendapatan yang dikenakan cukai	100,000	(100,000)	100,000	(100,000)
Cukai pada kadar 27% (2006 :28%) ke atas baki pendapatan yang dikenakan cukai	2,207,376	4,229,042	2,674,207	4,943,648

bersambung

sambungan

KUMPULAN

MAIS

	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam menentukan keuntungan bercukai	789,841	953,055	-	-
Kesan cukai ke atas pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(3,279,113)	(4,872,022)	(2,774,207)	(4,843,648)
Penggunaan kerugian cukai pada tahun-tahun lepas	-	-	-	-
Kelebihan peruntukan cukai tertunda dalam tahun terdahulu	277,724	(73,000)	-	-
Pelarasan cukai tertunda untuk tujuan pindahan	-	(107,000)	-	-
Kekurangan peruntukan pada tahun-tahun lepas	4,743	2,701	-	-
Kesan cukai ke atas dividen diterima	-	-	-	1,989,293
	100,571	32,776	-	1,989,293

6. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN MAIS

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Peralatan Pejabat	Perabot dan kelengkapan	Mesin Pember-sihan	Komputer	Buku-Buku	Alatan Klinik, Farmasi dan Asrama	Peralatan Perkakas-an, Elektrik Pengha-wa Dingin dan Genera-tor	Ubahsuai	Alat Bekalan Lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Nilai buku bersih													
Pada 1 Januari 2007	11,653,690	56,068,661	526,398	2,902,899	265,967	63,649	2,037,291	2,973,619	-	374,805	1,897,236	7,426	78,771,641
Tambahan	485,086	815,798	289,821	458,967	57,421	11,598	320,356	1,034,368	2,394,438	7,399	715,869	245,409	6,836,530
Pelupusan/Pelunasan	(30,000)	-	(4)	(98,062)	-	-	(16,074)	-	-	-	(192,307)	-	(336,447)
Susut nilai	(87,898)	(1,275,540)	(189,962)	(832,585)	(97,534)	(13,855)	(441,641)	(465,662)	(294,907)	(44,608)	(385,441)	(6,150)	(4,135,783)
Pelarasan	(17)	-	(32,946)	-	-	-	-	(31,087)	-	-	-	-	(64,050)
Pindahan aset	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2007	12,020,861	55,608,919	593,307	2,431,219	225,854	61,392	1,899,932	3,511,238	2,099,531	337,596	2,035,357	246,685	81,071,891
Pada 31 Disember 2006													
Kos	13,317,747	64,259,282	2,336,728	8,892,676	875,347	142,277	7,210,657	5,252,338	2,394,438	544,026	5,476,704	254,444	110,956,664
Susut nilai terkumpul	(1,296,886)	(8,650,363)	(1,743,421)	(6,461,457)	(649,493)	(80,885)	(5,310,725)	(1,741,100)	(294,907)	(206,430)	(3,441,347)	(7,759)	(29,884,773)
Pada 31 Disember 2007	12,020,861	55,608,919	593,307	2,431,219	225,854	61,392	1,899,932	3,511,238	2,099,531	337,596	2,035,357	246,685	81,071,891
Pada 31 Disember 2006													
Kos	12,862,678	63,443,484	2,079,857	8,531,771	817,926	130,679	6,906,375	4,249,057	-	536,627	4,953,142	9,035	104,520,631
Susut nilai terkumpul	(1,208,988)	(7,374,823)	(1,553,459)	(5,628,872)	(551,959)	(67,030)	(4,869,084)	(1,275,438)	-	(161,822)	(3,055,906)	(1,609)	(25,748,990)
Pada 31 Disember 2006	11,653,690	56,068,661	526,398	2,902,899	265,967	63,649	2,037,291	2,973,619	-	374,805	1,897,236	7,426	78,771,641

bersambung

	Tanah Bebas	Tanah Pajak 99 Tahun	Tanah Dan Harta Faraid	Bangunan	Peralatan Pejabat	Perabot & Lengkapan	Alat Bekalan Lain	Komputer	Kenderaan	Ubahsuai Bangunan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Nilai buku bersih											
Pada 1 Januari 2007	4,369,882	7,242,206	41,602	53,852,471	146,389	260,216	7,427	186,661	72,143	693,140	66,872,137
Tambahan	135,650	349,422	14	786,868	44,969	57,421	245,408	57,016	140,598	136,845	1,954,210
Pelupusan	(30,000)	-	-	-	-	-	-	-	(1)	-	(30,001)
Susut nilai	-	(87,898)	-	(1,225,429)	(43,291)	(96,934)	(6,150)	(63,324)	(49,956)	(147,891)	(1,720,872)
Pelarasan	-	-	(17)	-	-	-	-	-	-	-	(17)
Pada 31 Disember 2007	4,475,532	7,503,731	41,599	53,413,910	148,067	220,703	246,685	180,353	162,784	682,093	67,075,457
Pada 31 Disember 2007											
Kos	4,475,532	8,800,616	41,599	61,729,162	576,149	793,275	254,444	693,911	427,697	2,173,464	79,965,849
Susut nilai terkumpul	-	(1,296,886)	-	(8,315,252)	(428,082)	(572,572)	(7,759)	(513,558)	(264,914)	(1,491,370)	(12,890,392)
Pada 31 Disember 2007	4,475,532	7,503,731	41,599	53,413,910	148,067	220,703	246,685	180,353	162,784	682,093	67,075,457
Pada 31 Disember 2006											
Kos	4,369,882	8,451,194	41,602	60,942,294	531,180	735,854	9,036	636,895	332,146	2,036,619	78,086,702
Susut nilai terkumpul	-	(1,208,988)	-	(7,089,823)	(384,791)	(475,638)	(1,609)	(450,234)	(260,003)	(1,343,479)	(11,214,565)
Pada 31 Disember 2006	4,369,882	7,242,206	41,602	53,852,471	146,389	260,216	7,427	186,661	72,143	693,140	66,872,137

7. KERJA DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Baki pada awal tahun	9,080,839	8,397,758	3,415,023	2,664,443
(-) Pindahan pada tahun semasa	-	(121,229)	-	(53,730)
	9,080,839	8,276,529	3,415,023	2,610,713
(+) Pertambahan tahun semasa	210,373	804,310	210,373	804,310
Baki pada akhir tahun	9,291,212	9,080,839	3,625,396	3,415,023

Kerja Dalam Kemajuan merupakan pelaburan modal Kumpulan Majlis Agama Islam Selangor dalam projek-projek pembangunan hartanah untuk menambahkan pemilikan harta Majlis serta pelaburan modal dalam pembangunan harta Wakaf. Termasuk di dalam tambahan kepada perbelanjaan pembangunan pada tahun semasa adalah pembinaan bangunan kedai pejabat, sekolah dan masjid (wakaf).

8. PELABURAN DALAM SAHAM TERSIAR HARGA

Pelaburan saham yang dilaksanakan oleh MAIS adalah di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai dasar dan aktiviti selaras dengan Hukum Syarak serta diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

Pelaburan MAIS adalah seperti berikut :-

KUMPULAN DAN MAIS		
	2007 RM	2006 RM
Pada kos:		
RHB Asset Management Sdn. Bhd.	52,168	49,422
Bank Islam Malaysia Berhad.	8,087,593	8,087,593
C.I. Holdings Berhad.	2,000	2,000
	8,141,761	8,139,015
Peruntukan rosot nilai pelaburan	(158,384)	(1,039,407)
	7,983,377	7,099,608
Nilai pasaran pada 31 Disember:		
Bank Islam Malaysia Berhad.	7,929,209	7,048,186

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT MILIKAN

KUMPULAN	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Kos pelaburan	-	-	3,970,515	8,153,427
Pindahan sebagai Syarikat Bersekutu	-	-	-	(4,182,912)
Kos pelaburan saham pada 31 Disember	-	-	3,970,515	3,970,515

Senarai kepentingan MAIS dalam syarikat milikan adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Pegangan Ekuiti		Aktiviti utama
	2007	2006	
MAIS Construction & Properties Sdn Bhd *	100%	100%	Pemaju dan kontraktor
MAIS Trading Sdn Bhd *	100%	100%	Perdagangan dan perkhidmatan
MAIS Health Care Services Sdn Bhd *	100%	100%	Perkhidmatan Kesihatan
MAIS Agro Based Industries Sdn Bhd *	100%	100%	Tidak aktif
MAIS Travels & Tours Sdn Bhd *	100%	100%	Tidak aktif
MAIS Zakat Sdn. Bhd.	100%	100%	Tidak Aktif
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd.	100%	100%	Institusi pengajian

* Nota:

Pada tahun 2007 syarikat-syarikat milikan ini telah bertukar nama seperti berikut :-

MAIS Construction & Properties Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Bakti Suci Properties Sdn. Bhd.), MAIS Trading Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Bakti Suci Trading Sdn. Bhd.), MAIS Health Care Services Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Bakti Suci Bina Sdn. Bhd.), MAIS Agro Based Industries Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Bakti Suci Food Processing Sdn. Bhd.), MAIS Travels & Tours Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Bakti Suci Travels & Tours Sdn. Bhd.)

Pada tahun semasa, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sdn Bhd telah meningkatkan modal yang dibenarkan kepada RM10 juta dan modal berbayar kepada RM5 juta melalui pengagihan saham bonus sebanyak 9 unit saham bonus bagi setiap satu unit saham yang dimiliki MAIS, dengan mempermodalkan keuntungan terkumpul.

10. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Saham tak tersiarharga pada kos	4,182,912	4,182,912	4,182,912	4,182,912
Bahagian kerugian terkumpul	(3,031,032)	(2,847,806)	-	-
Bahagian kerugian tahun semasa	(156,518)	(183,226)	-	-
	995,362	1,151,880	4,182,912	4,182,912
Pembahagian aset bersih dalam Syarikat Bersekutu	995,362	1,151,880	4,182,912	4,182,912

Butir syarikat bersekutu yang ditubuhkan di Malaysia, adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Pegangan Ekuiti		Aktiviti utama
	2007	2006	
Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd.	47.72%	48.54%	Perkhidmatan Perubatan

Pada 21 Januari 2007 pegangan ekuiti MAIS dalam syarikat Hospital Pusrawi SMC Sdn Bhd telah berkurangan daripada 48.54% kepada 47.72% berikutan daripada peningkatan pelaburan oleh Selangor Medical Centre Sdn Bhd melalui pertukaran hutang syarikat kepada modal saham

11. LAIN-LAIN PELABURAN

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2007 RM	2006 RM
Syarikat Permodalan Selangor Berhad	150,000	150,000

12. INVENTORI

	KUMPULAN	
	2007 RM	2006 RM
Barang-barang ibadah dan permaidani	84,311	84,452
	84,311	84,452

13. PENGHUTANG

	KUMPULAN		MAIS	
	2007	2006	2007	2006
	RM	RM	RM	RM
Pinjaman Kakitangan MAIS	95,972	37,732	95,972	37,732
MAIS Food Industries Sdn. Bhd.	-	300,000	-	300,000
Tanah Pesaka	2,008,787	2,899,346	2,008,787	2,899,346
Sewa Premis	344,659	797,574	617,828	1,404,434
Pendahuluan Projek Seksyen 16-Mercu Salam	245,633	-	245,633	-
Penghutang Perniagaan	13,031,267	3,883,036	-	-
	15,726,319	7,917,688	2,968,220	4,641,512
Tolak: Elaun hutang ragu	(248,275)	(305,735)	(248,275)	(76,035)
	15,478,044	7,611,953	2,719,945	4,565,477

14. PELBAGAI PENGHUTANG, PRABAYAR DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		MAIS	
	2007	2006	2007	2006
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai Penghutang dan Prabayar	3,328,026	1,468,145	729,959	401,829
Pelbagai Deposit	153,677	153,677	153,677	153,677
Wang Pertaruhan	30,951	338,749	30,951	338,749
	3,474,054	1,960,571	914,587	894,255

15. PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN		MAIS	
	2007	2006	2007	2006
	RM	RM	RM	RM
Hospital Pusrawi SMC Sdn. Bhd.	348,088	348,088	348,088	348,088

Amaun yang ditanggung tidak dikenakan faedah, tidak bercagar dan tiada tempoh tetap untuk pembayaran semula.

16. PERUNTUKAN PENDAHULUAN AGIHAN ZAKAT

Merupakan baki akaun agihan zakat(Pendahuluan yang diberikan oleh pihak MAIS) yang diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan UiTM bagi tujuan agihan kepada asnaf termasuk agihan yang telah di peruntukan tetapi belum dijelaskan(bayar).

	KUMPULAN		MAIS	
	2007	2006	2007	2006
	RM	RM	RM	RM
Pendahuluan kepada LZS	(3,254,454)	20,874,784	(3,254,454)	20,874,784
Pendahuluan kepada UiTM	462,950		462,950	
	(2,791,504)	20,874,784	(2,791,504)	20,874,784

17. SIMPANAN TETAP

	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Simpanan Tetap Al-Mudharabah:-				
Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd.	7,000,000	9,564,775	7,000,000	9,500,000
Bank Muamalat (M) Bhd.	5,240,684	10,176,072	5,240,684	10,176,072
Simpanan Tetap Anak Syarikat	8,266,786	1,100,000	-	-
Bank Islam (M) Bhd.	56,200,000	1,000,000	56,200,000	-
	76,707,470	21,840,847	68,440,684	19,676,072

	MAIS	
Simpanan Tetap Al-Mudharabah	2007 RM	2006 RM
Pecahan Mengikut Kumpulan Wang:-		
Kumpulan Wang Zakat	51,740,684	15,176,072
Kumpulan Wang Baitulmal	1,700,000	2,500,000
Kumpulan Wang Wakaf	4,500,000	2,000,000
Kumpulan Wang Amanah	10,000,000	-
Kumpulan Wang Dana Masjid	500,000	-
	68,440,684	19,676,072

18. WANG TUNAI DI BANK DAN TUNAI DI TANGAN

Wang tunai di tangan dan di bank bagi kumpulan adalah baki akaun semasa syarikat milikan MAIS termasuk baki akaun semasa di bank MAIS

	KUMPULAN	
	2007 RM	2006 RM
Majlis Agama Islam Selangor	33,018,593	65,208,191
MAIS Construction & Properties Sdn Bhd	342,947	796,239
MAIS Trading Sdb Bhd	331,838	265,049
MAIS Health Care Services Sdn Bhd	100,086	2
MAIS Agro Based Industries Sdn Bhd	2	2
MAIS Travels & Tours Sdn Bhd	2	2
MAIS Zakat Sdn. Bhd.	-	770,507
Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor Sdn. Bhd.	953,646	5,541,659
	34,747,114	72,581,651

Wang tunai di tangan dan di bank MAIS adalah baki akaun-akaun semasa MAIS termasuk baki akaun Zakat Induk MAIS.

	MAIS	
	2007 RM	2006 RM
Akaun Zakat	28,945,596	50,888,443
Akaun Zakat 2	446,113	2,763,867
Akaun Baitulmal	1,022,020	1,973,229
Akaun Baitulmal (BMMB)	122,317	122,317
Akaun Wakaf 1	104,088	2,286,142
Akaun Wakaf 2	180,181	63,979
Akaun Wakaf/BSN	337,207	271,223
Akaun Amanah	1,632,645	6,022,656
Akaun Dana Masjid	198,781	795,312
Akaun Pinjaman Kenderaan	26,645	18,023
Tunai di Tangan	3,000	3,000
	33,018,593	65,208,191

Akaun bank syarikat milikan dan Majlis adalah terdiri daripada akaun semasa di bank-bank yang mengamalkan Perbankan Islam selaras dengan hukum syarak.

19. WANG DALAM PERJALANAN

Wang Dalam Perjalanan adalah wang kutipan zakat dan saham wakaf di kaunter-kaunter Lembaga Zakat Selangor (LZS), agen-agen Bank yang belum di pindahkan ke dalam Akaun Induk MAIS.

	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Kutipan Zakat di kaunter LZS	56,596,110	76,642,561	56,596,110	76,642,561
Kutipan Saham Wakaf di kaunter LZS	104,600	-	104,600	-
Zakat Fitrah Di Bank Simpanan Nasional	10,109,904	44,971	10,109,904	44,971
	66,810,614	76,687,532	66,810,614	76,687,532

20. WANG AMANAH

Wang Amanah adalah segala jenis Amanah yang diwujudkan melalui Bab IV, Undang-Undang Pentadbiran Perundangan Islam No.3, 1952.

	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Derma Pusat Islam Singapura	-	522	-	522
Derma Pusat Pengajian Islam (M) U.K.	1,222	1,222	1,222	1,222
Derma Surau Qariah Hj. Ali, Klang	3,314	3,314	3,314	3,314
Derma Masjid Al-Mukmin & Al-Madinah	3,782	3,782	3,782	3,782
Derma Kebuluran Afrika	-	250	-	250
Derma Kebakaran Sek.(A) Madrasah Taufiqiah	-	2,093	-	2,093
Sumbangan Penggunaan Tanah JAIS	917,248	334,983	917,248	334,983

bersambung

	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Elaun Pegawai Masjid	87,235	102,042	87,235	102,042
Masjid Taufiqiah Gombak	-	280	-	280
Amanah Shaari Ismail	15,749	15,749	15,749	15,749
Derma Sekolah (A) Burma	-	1,830	-	1,830
Wang Amanah Pelajar-Tingkatan I	-	809	-	809
Derma Masjid Sg. Besar	-	8,676	-	8,676
Program Bersama JAIS	-	971	-	971
Tabung Amanah Bosnia	67,728	67,728	67,728	67,728
Keuntungan Simpanan Semasa	12,679	241,965	12,679	241,965
Sekolah Rendah Agama Sg. Selisik	-	12,403	-	12,403
Darul Ulom Academy of Brisbane	-	1,845	-	1,845
Mohd Azam Ismail	-	450	-	450
Elaun AJK Masjid (Zakat)	476,517	1,252,897	476,517	1,252,897
KAFA	-	20,500	-	20,500
Honorarium Majalah MAIS	3,200	1,600	3,200	1,600
Pelbagai Terimaan Amanah	36,020	991,275	36,020	991,275
Masjid Jamek Kalompang	3,588	479	3,588	479
Projek Fakulti Undang-Undang (KUIS)	2,130,112	2,509,014	2,130,112	2,509,014
Masjid Taman Dato Harun, Petaling Jaya	15,715	15,715	15,715	15,715
Kolej Islam Selangor Darul Ehsan	-	5,470	-	5,470
Sek. Ren. Agama Kg Kuantan	-	30,000	-	30,000
SRA Bandar Tasik Puteri, Rawang, Gombak	141,376	141,376	141,376	141,376
Sungai Gumut	-	2,335	-	2,335
Masjid An Nur Bandar Country Home	7,500	7,500	7,500	7,500
Fidyah Puasa	275	275	275	275
Masjid Negeri (Penghawa Dingin)	104,000		104,000	
Pembinaan Surau Darul Salim	4,762	4,762	4,762	4,762
Tsunami	-	26,837	-	26,837
Pembinaan Kompleks Asnaf, Kg Perepat	7,280,000	-	7,280,000	-
Keuntungan Pelaburan SIA	43,635	-	43,635	-
MSSAAS (Tangga Bergerak)	600	600	600	600
Rapid Test JAIS	273,037	139,598	273,037	139,598
SMK Dato Hamzah Pelabuhan Klang	-	70,000	-	70,000
	11,629,293	6,021,146	11,629,293	6,021,146

21. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	KUMPULAN		MAIS	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Pelbagai Pemiutang	5,953,553	9,193,891	1,368,484	5,516,958
Pemiutang Tajaan	332,541	1,644,116	-	-
Perbelanjaan Akruan	7,492,214	660,802	6,973,495	450,815
Yuran Audit	70,500	93,300	-	48,000
Pelbagai Pemiutang - Aset Tetap	59,582	62,724	-	-
Pendapatan Tertunda	4,932,337	1,923,015	-	-
	18,840,727	13,577,848	8,341,979	6,015,773

Termasuk dalam pelbagai pemiutang dan akruan ialah pemiutang perbelanjaan Baitulmal, zakat, pengurusan akaun pelaburan dan perbelanjaan syarikat milikan Majlis pada tahun semasa.

22. AMAUN TERHUTANG KEPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

	KUMPULAN DAN MAIS	
	2007 RM	2006 RM
Amaun terhutang kepada Lembaga Zakat Selangor	-	25,270,000

23. DANA MASJID

MAIS adalah pemegang amanah tunggal bagi semua masjid di Negeri Selangor mengikut Seksyen 56, Bahagian V Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor, 1989.

24. PEMBIAYAAN AL-MUSYARAKAH

Pembiayaan Al-Musyarakah telah dimenterai di antara MAIS Construction and Properties Sdn. Bhd. dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan Bank Islam (M) Berhad berjumlah RM5,000,000 melalui konsep perkongsian pembiayaan Projek Pangsapuri di atas sebidang tanah milik MAIS di Telok Gadong, Klang, Selangor Darul Ehsan.

25. PEMBIAYAAN AL-BAI BITHAMAN AJIL

	KUMPULAN	
	2007 RM	2006 RM
Jumlah terhutang:		
- Dalam masa 1 tahun	1,518,798	1,548,074
- Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun	10,107,972	9,731,511
Pemiutang pajakan	11,626,770	11,279,585
Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh	(3,753,203)	(2,526,460)
	7,873,567	8,753,125
Bahagian yang perlu dibayar:		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun	987,681	911,469
Pembayaran balik dalam masa 1 hingga 5 tahun	6,885,886	7,841,656
	7,873,567	8,753,125

Kadar caj pembiayaan adalah pada 7.8%

Kemudahan ini adalah pembiayaan yang diterima oleh Majlis Agama Islam Selangor daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi tujuan membiayai projek pembinaan pangsapuri perkhidmatan dan 39 unit kedai di Seksyen 3 Shah Alam.

26. PEMBIAYAAN JANGKA PANJANG ATAU KERAJAAN

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM4,000,000 (2005: RM4,000,000), yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang faedah. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 15 tahun bermula pada tahun 2009.

27. GERAN KERAJAAN NEGERI – BERKAITAN ASET

	KUMPULAN	
	2007 RM	2006 RM
Baki pada 1 Januari	133,000	140,000
Pelunasan - dipindah pada penyata pendapatan	(7,000)	(7,000)
Baki pada 31 Disember	126,000	133,000

28. SEWA BELI JANGKA PANJANG

	KUMPULAN	
	2007 RM	2006 RM
Jumlah terhutang:		
- Dalam masa 1 tahun	60,809	81,719
- Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun	141,179	167,682
Pemiutang pajakan	201,988	249,401
Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh	(20,136)	(31,872)
	181,852	217,529
Bahagian yang perlu dibayar:		
Pembayaran balik dalam masa 1 tahun (termasuk dalam pelbagai pemiutang)	59,582	68,173
Pembayaran balik dalam masa 1 hingga 5 tahun	122,270	149,356
	181,852	217,529

29. PELARASAN TAHUN LEPAS

Pelarasan baki wang terkumpul **KUMPULAN** adalah melibatkan perkara seperti berikut:

	Baki dinyatakan semula	Pelarasan tahun lepas	Baki Selepas Pelarasan
	RM	RM	RM
KUMPULAN			
Kumpulan Wang			
Kumpulan Wang Zakat	140,026,296	(10,504,163)	129,522,133
Kumpulan Wang Baitulmal	78,217,611	(566,533)	77,651,078
Kumpulan Wang Wakaf	7,953,985	(52,496)	7,901,489
Syarikat Milikan & Bersekutu	7,201,753	27,699	7,229,452
	233,399,645	(11,095,493)	222,304,152

Pelarasan baki wang terkumpul **MAIS** adalah melibatkan perkara seperti berikut:

	Baki pada awal tahun	Pelarasan tahun lepas	Baki Selepas Pelarasan
	RM	RM	RM
MAIS			
Kumpulan Wang			
Kumpulan Wang Zakat	140,026,296	(10,504,163)	129,522,133
Kumpulan Wang Baitulmal	78,217,611	(566,533)	77,651,078
Kumpulan Wang Wakaf	7,953,985	(52,496)	7,901,489
	226,197,892	(11,123,192)	215,074,700

30. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH

	KUMPULAN		MAIS	
	2007	2006	2007	2006
	RM	RM	RM	RM
Simpanan Tetap di Bank-Bank Berlesen	76,707,470	21,840,847	68,440,684	19,676,072
Tunai di Bank dan Tunai di Tangan	34,747,114	72,581,651	33,018,593	65,208,191
Wang Deposit dan Jaminan Bank	109,140	109,140	-	-
Wang Dalam Perjalanan	66,810,614	76,687,532	66,810,614	76,687,532
	178,374,338	171,219,170	168,269,891	161,571,795

31. ANGKA PERBANDINGAN PENYATA AKAUN DISATUKAN

Angka perbandingan bagi Penyata Akaun yang disatukan antara Majlis dan syarikat milikan dalam kumpulan telah direklasifikasikan untuk pengesahan supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

Setelah dua tahun misi pemantapan organisasi, MAIS terus memperkasakan pengurusan pentadbiran serta pembangunan ekonomi dan ummah sebagai sebuah institusi yang mendukung hak dan ekonomi umat Islam khususnya. Justeru itu MAIS yang berkewajipan menjaga kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam khususnya di negeri Selangor memikul satu amanah yang besar yang perlu disempurnakan sebaik mungkin.

Selaras tanggungjawab yang diberikan, MAIS sedaya upaya merangka serta melaksanakan dasar-dasar yang merangkumi ekonomi, pendidikan dan dakwah untuk kepentingan umat Islam berlandaskan integrasi tauhid.

Justeru itu bagi tahun 2007, tiga agenda utama di beri penekanan khusus iaitu memperkasa budaya tadbir urus yang berkualiti, perancangan pelan induk pembangunan MAIS sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa yang semakin kukuh dan juga memperhebatkan pengurusan dakwah yang lebih baik dan sempurna yang mampu dihayati oleh semua lapisan masyarakat.

MEMPERKASA BUDAYA TADBIR URUS BERKUALITI

Operasi memperkasa budaya tadbir urus yang berkualiti kepada semua perancangan kerja yang dilaksanakan bertujuan memperlihatkan usaha MAIS ke arah pengurusan kerja yang lebih bersistematik

dalam memenuhi kehendak masyarakat Islam amnya. Oleh itu beberapa strategi tindakan khas dibentuk dan di kenal pasti iaitu pemantapan pengurusan pentadbiran dan sumber manusia, perancangan harta faraid yang cekap dan profesional serta penyusunan semula sistem pengurusan harta wakaf.

Pemantapan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia

Sumber manusia merupakan jentera utama dalam menjana kejayaan sesebuah organisasi. Menyedari hakikat ini MAIS telah mewujudkan Jawatankuasa Sumber Manusia antara peranannya adalah untuk merancang dan memantau keseluruhan program-program pembangunan sumber manusia yang dilaksanakan pada setiap tahun. Selain itu bagi memastikan tahap mutu kerja kakitangan sentiasa berada dalam tahap yang terbaik MAIS telah menetapkan aktiviti program latihan tersenarai sebagai salah satu proses kerja untuk pengiktirafan sijil MS ISO 9001:2000. Pelbagai latihan dibentuk dalam memastikan kakitangan mendapat ilmu berkaitan objektif dan fungsi bahagian masing-masing. Secara keseluruhan kursus-kursus yang dirancang untuk pegawai MAIS bukan hanya semata-mata tertumpu kepada kemahiran yang diperlukan tetapi juga pengisian kerohanian sekali gus membentuk kakitangan yang berakhlak dan beriman sejajar dengan visi dan misi MAIS.



Majlis Agihan Sumbangan kepada Anak-anak Yatim Negeri Selangor.



Perancangan Pengurusan Harta Faraid yang Cekap dan Profesional

Pelbagai cabaran dan risiko yang dihadapi oleh Unit Faraid MAIS bagi menyelesaikan kes-kes pusaka. Sama ada kes-kes pusaka yang melibatkan jual beli hartanah, penebusan yang tertunggak dan pengurangan bayaran pusaka. Justeru itu bagi memastikan pengurusan harta faraid MAIS dapat dilaksanakan dengan cekap berkesan beberapa langkah serta sasaran kerja telah dikenal pasti. Antara strategi pelaksanaan yang dilaksanakan ialah :

- Membuat penilaian di Jabatan Penilaian bagi memudahkan proses penetapan harga jualan hartanah.
- Membuat siasatan susulan ke atas kes pusaka yang mengalami bayaran tertunggak.
- Menyediakan senarai tunggakan pembayaran tebus pusaka untuk tindakan 'task force'
- Menjalankan siasatan ke atas hartanah yang belum mempunyai maklumat lengkap.
- Mengenal pasti kes baru atau lama untuk disiasat dalam jangka masa 1 kes sehari
- Membuat senarai nama kes pusaka yang memerlukan siasatan susulan sama ada kes baru atau lama
- Mengenal pasti tanah yang berpotensi untuk dimajukan

Penyusunan Sistem Pengurusan Harta Wakaf

Bagi memastikan kesinambungan perjalanan pengurusan wakaf berjalan lancar maka MAIS telah memperkenalkan Pelan Bertindak Pembangunan Harta Wakaf Negeri Selangor. Matlamatnya bertujuan :

- Memperkasa usaha untuk menyemak kedudukan sebenar tentang status harta wakaf di negeri Selangor.
- Mengenal pasti keperluan jangka masa panjang sekiranya harta wakaf di negeri Selangor ingin diurus pada tahap yang seberkesan mungkin
- Mengenal pasti penggunaan-penggunaan utama strategi-strategi yang boleh dipertimbangkan, mekanisme-mekanisme yang perlu ada serta anggaran bajet pengendalian yang perlu disediakan.
- Menjayakan sekurang-kurangnya 10 ikon cemerlang manfaat wakaf di negeri Selangor pada hujung 2010

Maka beberapa pelan bertindak telah dilaksanakan. Antaranya:

- Penyediaan pengkalan data.
- Pemantapan kemahiran petugas
- Pemantapan jaringan kerja bersama Jabatan wakaf, zakat dan haji, sektor swasta, media massa serta badan-badan NGO.
- Sistem pemantauan berkesan



Projek usahasama MAIS di USJ 17, Petaling Jaya.

Hasil daripada pelan bertindak pembangunan harta wakaf negeri Selangor ini beberapa perkara telah dilaksanakan :

- Mewujudkan Sistem Pengkalan Data Tanah Wakaf (SISDATA)
- Meningkatkan prestasi kakitangan wakaf melalui latihan, kursus dan bengkel
- Membuat jaringan kerjasama dengan mana-mana institusi dan jabatan bagi meningkatkan pengurusan dan pembangunan harta wakaf seperti pertukaran maklumat dengan Majlis Agama Islam Negeri bersama Jabatan Wakaf Zakat dan Haji
- Pemantauan juga dilaksanakan dengan mengadakan mesyuarat bulanan dan perjumpaan-perjumpaan di samping pemantauan ke daerah-daerah.
- Selain itu pemantauan juga dilaksanakan melalui jawatankuasa yang telah diwujudkan oleh MAIS seperti Jawatankuasa Pengurusan Wakaf, MAIS.

PERANCANGAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN MAIS

Sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa yang semakin kukuh, MAIS telah mensasarkan beberapa pembangunan yang berdaya saing berbentuk komersial dan sosial merangkumi pembangunan harta wakaf antara adalah :

Projek Usahasama MAIS Mutiara Tropicana

Projek Mutiara Tropicana merupakan projek

pembangunan bercampur kedua MAIS di atas Lot 23287. Terletak di kawasan yang berdaya maju iaitu di daerah Petaling Tropicana. Terletak di antara laluan lebuhraya NKVE dan kawasan elit Kelab Golf Tropicana. Peratus kemajuan bagi pembangunan Fasa I yang mengandungi 28 unit rumah teres 2 tingkat, 20 unit rumah bandar 2 ½ tingkat dan 9 unit kedai/pejabat 3 tingkat telah mencapai 99.4%. Kesemua unit kediaman dan kedai/pejabat telah dijual kecuali 1 unit milik MAIS dikekalkan untuk disewakan. Bagi pembangunan fasa 2 komponen pembangunannya telah dipinda daripada apartment kepada rumah bandar berdasarkan kepada kajian pasaran dan daya maju projek yang telah dibuat.

Projek USJ 17 Subang Jaya, Petaling

Perancangan pembangunan hartanah bagi 14.37 ekar ini telah dilaksanakan di kawasan strategik sebelah Persiaran Kewajipan USJ 17 Subang Jaya. Pembangunan ini menawarkan gaya hidup sihat dan reka bentuk moden kotemporari. Pembangunan projek ini dibuat secara 3 fasa yang mengandungi komponen pembangunan iaitu fasa I dan II rumah berkembar 2 ½ tingkat berjumlah 104 unit dengan keluasan 3,800 kaki persegi manakala fasa ke III rumah sebuah 3 tingkat berjumlah 10 unit keluasan 7,000 kaki persegi. Kerja-kerja pembinaan bagi fasa I yang mengandungi 20 unit rumah berkembar telah mencapai kemajuan 60% dan dua unit rumah tersebut telah siap sepenuhnya dan dijadikan rumah

contoh Setakat ini sebanyak 18 unit rumah bagi fasa I telah berjaya dijual dan pembangunan dijangka siap sepenuhnya pada bulan September 2009.

PROJEK PEMBANGUNAN HARTA WAKAF

Pembinaan Perpustakaan Wakaf di Wisma MAIS

Penubuhan Perpustakaan Wakaf di Wisma MAIS Seksyen 3 Shah Alam, merupakan projek khas yang pertamanya dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Selangor menggunakan peruntukan dari hasil Kutipan Saham Wakaf Selangor berjumlah RM 350 Ribu. Jumlah peruntukan ini meliputi kos bagi kerja-kerja persediaan tapak, perkhidmatan, kelengkapan perabot, perkakasan komputer dan bahan-bahan rujukan.

Konsep perpustakaan wakaf ini diilham berteraskan teknologi digital bagi memudahkan capaian kepada maklumat dan memaksimumkan penggunaan bahan sumber kepada masyarakat Negeri Selangor khususnya. Diharap dengan penubuhan pusat maklumat komuniti siber MAIS ini merupakan satu inisiatif yang tepat pada waktunya bagi mewujudkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat. Usaha ini juga secara tidak langsung menyumbang kepada agenda Majlis iaitu membangunkan sosio dan ekonomi ummah khususnya di negeri Selangor.

PEMANTAPAN PENGURUSAN DAKWAH MUALAF

Dalam memperkatakan aspek kecemerlangan dalam pengurusan berkaitan mualaf pelbagai program telah dirancang selari dengan visi dan misi untuk memberi segala bentuk bantuan dan bimbingan kepada saudara kita dan melahirkan masyarakat saudara baru yang menghayati ajaran Islam yang mampu meningkatkan dakwah kepada mualaf dan menjaga kebajikan saudara kita di negeri Selangor amnya. Antara program yang telah dilaksanakan dalam memantapkan pengurusan dakwah mualaf dengan lebih sempurna sasaran kerja telah dibahagikan kepada tiga unit iaitu :

Unit Dakwah Saudara Kita

- Menguruskan proses pengislaman bagi non muslim yang ingin memeluk agama Islam.
- Menyediakan serta melaksanakan Kursus Insentif Asas Agama Islam.
- Memberi kemudahan kelas agama agar pemantapan akidah dan pemahaman yang berterusan terhadap ajaran Islam dapat disalurkan kepada saudara-saudara baru secara berterusan.
- Menyalurkan permohonan berbentuk bantuan sara hidup, rumah, makan minum dan lain-lain bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan kepada para mualaf.



Projek usahasama MAIS di USJ 17, Petaling Jaya.

Unit Dakwah Global

- Melaksanakan Bengkel Dakwah Profesional bagi melatih para pendakwah, petugas dan sukarelawan yang terlibat dalam program yang melibatkan dakwah kepada bukan muslim.
- Mengadakan program ziarah dakwah, ziarah ukhuwah NGO Islam dan juga ziarah mesra dan khidmat masyarakat bagi meneruskan kesinambungan dakwah kepada bukan Islam di seluruh daerah negeri Selangor.
- Mesyuarat Penyelarasan Gerak Kerja NGO telah diadakan bagi menyelaraskan segala aktiviti bersama NGO sekali gus merapatkan ukhuwah di kalangan NGO.

Unit Hal Ehwal Islam Hospital

- Melaksanakan aktiviti ziarah kepada pesakit dan waris pesakit dengan mengedarkan risalah ataupun info-info berkaitan agama kepada pesakit dengan secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana wad mesra ibadah dan mesra pesakit.
- Mengadakan kelas fardu ain bersijil di kalangan kakitangan hospital.
- Mewujudkan suasana keislaman dalam menyambut kelahiran.
- Memberi bimbingan dan panduan ibadah semasa sakit.
- Membimbing dan membantu dalam menghadapi saat-saat kematian.

- Memberi perkhidmatan dan penyeliaan pengurusan jenazah Islam di hospital.

PROGRAM KAJIAN DAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PERUNDANGAN MAIS

a. Pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003

Bengkel semakan dan pindaan undang-undang siri 1/2007 telah berjaya diadakan pada 24 April 2007. Beberapa cadangan pindaan telah dibuat oleh bahagian-bahagian yang terlibat. Bahagian Undang-Undang dari masa ke semasa telah mengenal pasti beberapa peruntukan yang perlu dipinda selaras dengan keperluan semasa MAIS dan agensi-agensi agama yang lain. Kajian perbandingan dengan negeri-negeri lain dalam perkara ini juga telah dilaksanakan. Perbincangan susulan bersama Penasihat Undang-Undang Negeri, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, JAKIM dan Jabatan Peguam Negara berhubung pindaan peruntukan enakmen yang dicadangkan juga turut diadakan dari masa ke semasa bagi mendapatkan maklumat terkini.

b. Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid (Negeri Selangor) 2007

Semakan pertama telah dibuat. Akan membuat semakan kali kedua dengan membuat perbandingan



Mesyuarat MAIS: Medan untuk menentukan dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh MAIS, JAIS, Jabatan Mufti dan JAKES.



Kursus Training Of Trainer bagi melahirkan SAHABAT Hospital yang komited.

Akta/Kaedah Pegawai-Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid yang digubal oleh pihak JAKIM untuk diselaraskan dengan kaedah-kaedah yang digubal oleh pihak MAIS.

c. Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Hibah dan Pegangan Amanah Hibah.

Prosedur tersebut telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal/Zakat Bil 4/2007. Bahagian ini juga telah menghadiri Kursus Pemantapan Pengurusan Wasiat dan Hibah yang dianjurkan oleh Unit wasiat dan Amanah, MAIS pada 17 Disember 2007.

d. Mesyuarat berkaitan Perundangan Islam

Mesyuarat Khas mengenai isu perundangan syariah Majlis Agama Islam Selangor diadakan bertujuan bagi mewujudkan jaringan kerjasama antara pihak MAIS, JAIS, Jabatan Mufti, JAKES dan NGO dalam menangani isu dan permasalahan yang berkaitan dengan prosiding di mahkamah syariah.

PROGRAM PENGURUSAN TANAH FARAIID

Beberapa aktiviti telah disasarkan bagi memastikan perjalanan pengurusan tanah faraid berjalan lebih lancar antaranya :

1. Menyelesaikan Kes-Kes Pusaka Yang Melibatkan Jual beli Hartanah

Mengenal pasti dan menyelesaikan bilangan kes

yang melibatkan permohonan jual beli hartanah dengan mengkaji permohonan penjualan bahagian MAIS atau pembelian bahagian waris di samping mengadakan usaha sama bersama bahagian undang-undang bagi membuat semakan dokumen perjanjian jual beli. Penilaian di Jabatan Penilaian bagi memudahkan proses penetapan harga jual hartanah juga dibuat. Setakat tahun 2007 sebanyak 3 kes setahun bagi penjualan hartanah kepada pembeli dan 3 kes setahun bagi pembelian hartanah bahagian waris.

2. Program Pengurangan Pembayaran Penebusan Yang Tertunggak

Mengemas kini senarai penghutang tebus pusaka serta mengenal pasti bilangan kes yang mengalami pembayaran penebusan tertunggak. Antara langkah yang diambil adalah mengeluarkan surat peringatan kepada penebus yang tidak mematuhi jadual pembayaran serta membuat siasatan susulan ke atas kes pusaka yang mengalami bayaran tertunggak.

3. Program Penyiasatan Kes Pusaka

Memastikan kes pusaka yang baru atau lama disiasat dengan segera bagi mengurangkan kadar aduan pelanggan atau waris. Strategi pelaksanaan dengan mengenal pasti kes baru atau lama untuk disiasat dalam jangka masa 1 kes sehari dan membuat senarai nama kes pusaka yang memerlukan siasatan susulan sama ada kes baru atau lama. Setakat tahun 2007 sahaja 48 kes telah dapat diselesaikan berbanding tahun sebelum ini iaitu 46 kes.

PROGRAM PUSAT PERLINDUNGAN WANITA BAITULEHSAN

1. Mengadakan Kursus Jangka Pendek Kepada Pelatih

Kursus ini diadakan 4 kali setahun dengan mendapat kerjasama daripada Kolej Komuniti Sabak Bernam dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Kursus ini diberi kepada setiap pelatih bagi mendapat pendedahan dan kemahiran sebagai panduan untuk pelatih berjaya apabila keluar daripada pusat latihan.

2 Melaksanakan Ceramah Motivasi

Ceramah-ceramah motivasi yang telah dirancang ini adalah khusus kepada para pelatih Baitul Ehsan bagi memberi kesedaran dan menambah pengetahuan agar dapat diaplikasikan apabila tamat tempoh menjalani pemulihan. Melalui program ini juga pelatih dapat mempelajari dan memperbaiki teknik komunikasi dengan baik.

3. Menyediakan Aktiviti Latihan Kemahiran Vokasional kepada Pelatih

Mewujudkan tapak semeian kunyit dan serai dengan mendapat khidmat dari Pejabat Pertanian untuk pemantauan dari masa ke semasa sekali gus menjadikan tapak semeian sebagai tempat praktikal untuk kelas kemahiran.

4. Program Karnival Sukan Antara Pusat-Pusat Pemulihan

Karnival ini telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan daripada beberapa pusat pemulihan lain seperti Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Kompleks Dar'asaadah, Taman Sri puteri Batu Gajah dan Taman Sri Puteri Cheras. Acara sukan dikhususkan kepada 2 kategori iaitu bagi acara out-door dan in-door acara balapan dan acara padang juga turut di adakan. Aktiviti ini bagi melahirkan individu cergas dan sihat melalui aktiviti kesukanan khasnya kepada para pelatih di samping

membentuk satu jalinan kerjasama di antara pusat-pusat perlindungan.

PROGRAM PUSAT PEMURNIAN AKIDAH BAITUL IMAN

1. Program Hal Ehwal Pelatih

Mengadakan program pengukuhan akidah kepada para pelatih dalam bentuk ceramah dan motivasi bagi memantapkan dan membentuk jati diri. Antara program –program yang dilaksanakan seperti :

- i. Ceramah Penjelasan Akidah,
- ii. Tazkirah Maal Hijrah
- iii. Orientasi Pelatih
- iv. Aktiviti Jatidiri
- v. Ceramah Motivasi
- vi. Program Ziarah
- vii. Titian Kasih Anak Yatim bersama Baitul Hasanah
- viii. Aktiviti Tracking
- ix. Tazkirah Isra' Mikraj

2. Program Pengurusan Latihan

Kelas Bimbingan fardu Ain telah dilaksanakan 10 jam seminggu meliputi pengajian feqah, sirah, hadis, jawi dan bahasa arab. Kuliah petang dan malam juga turut diadakan di samping memberi tazkirah kepada para pelatih. Pelatih juga ditekankan dengan program-program out- door seperti sukaneka, jungle tracking, perkelahan kawad kaki, senamrobik dan pelbagai lagi bagi menjaga kesihatan tubuh badan mereka.

3. Program Pengurusan Disiplin dan Penilaian

- i. Program motivasi berbentuk latihan dalam kumpulan.
- ii. Lawatan Sambil belajar bagi meningkatkan pengetahuan di samping membuat kerja-kerja amal.
- iii. Program umum ini berbentuk tayangan dan persembahan kreatif patriotik seperti Program Ambang Merdeka

JANUARI 2007

15 Januari 2007

Majlis Perjumpaan Kakitangan MAIS Bersama YAD Dato' Setia Pengerusi MAIS.

17 Januari

Lawatan Kerja dari Jakarta Islamic Centre ke MAIS.

20 Januari

Majlis sambutan Ma'al Hijrah 1428H/ 2007M.

22 Januari

Misi Bantuan Banjir Ke Johor.

20 - 30 Januari

Lawatan Kerja ke Kaherah, Mesir.

FEBRUARI 2007

9 Februari

Lawatan kerja Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) ke MAIS.

14 Februari

Lawatan Kerja Yayasan Ahlul Qur'an Sumatera Selatan

MAC 2007

6 - 9 Mac

Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Selangor.

9 Mac

Bengkel Perancangan Strategik MAIS.

17 Mac

Program Ziarah Hospital ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.

17 Mac

Rehlah Pelatih Pusat Pemurnian Akidah, Baitul Iman di Kolam Air Panas Ulu Rening.

23 Mac

Lawatan Kerja Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, Putrajaya.

26 Mac

Sambutan Maulidur Rasul di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

31 Mac

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1428H.



Majlis Agihan Hamper kepada pesakit yang dilaksanakan oleh Unit Dakwah Hospital, Bhg. Pembangunan Insan MAIS.



Majlis Menghadap Sultan Oleh Bakal-Bakal Haji tajaan MAIS.

APRIL 2007

4 April

Perjumpaan Bersama Pengarah-pengarah Hospital Selangor.

8 April

Sambutan Maulidur Rasul bersama orang asli di Kampung Orang Asli Bukit Serdang, Selangor.

27 April

Program Tautan Hati Bersama Anak-anak Kapal Penerbangan MAS.

24 April

Bengkel Semakan dan Pindaan Undang-Undang Siri I/2007 bertempat di Bilik Mesyuarat Pateh Akhir, Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan SIS.

MEI 2007

9 Mei

Majlis Agihan Hamper kepada pesakit-pesakit di Hospital Tengku Ampuan Rahimah.

17 Mei

Siasatan Tanah Wakaf di Mukim Telok Panglima Garang – 2 Tanah Wakaf.

21 Mei

Majlis Penyerahan Sijil Bersih Kewangan Tahun 2005.

26 Mei

